

MYUniMAP
Edisi XXXVII
BERITA

MOHD SAAD DIN PENDAFTAR BAHARU UniMAP

Oleh : Mohd Basri Basir

Timbalan Pendaftar Kanan Universiti Sains Malaysia (USM) Mohd Saad Din dilantik sebagai Pendaftar baharu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berkuatkuasa 1 April lalu.

Bellau yang sebelum ini bertugas di Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar di USM bersara wajib pada Mac baru-baru ini sebelum dilantik sebagai Pendaftar UniMAP sehingga Januari 2021 bagi menggantikan Tuan Zuber Mohamed yang juga bersara wajib pada 15 Januari lalu.

Mohd Saad yang berasal dari Telok Cengai, Alor Setar berkelulusan Sarjana Pentadbiran Awam (MPA) dari USM mula berkhidmat di universiti itu pada 1April 1986 sebelum bersara wajib pada usia 58 tahun.

Bellau yang mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan sumber manusia telah menabur bakti selama 32 tahun di universiti yang terletak di Pulau Pinang itu sebelum dilantik menjadi Pendaftar Keempat UniMAP ,hari ini.

Terdahulu, Naib Canselor UniMAP Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal hadir menyaksikan Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Pendaftar UniMAP di antara Zuber dan Mohd Saad yang diadakan di Pejabat Naib Canselor, di sini.

